

ASPEK KATA KERJA DALAM DIALEK MELAYU SEKADAU: SUATU PENGENALAN

(Verb Aspect in the Malay Dialect Sekadau: an Introduction)

Chong Shin

chongshin2002@yahoo.com

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Tel.: +603-89213695.

Abstrak

Makalah ini menghuraikan aspek kata kerja dalam Dialek Melayu Sekadau (DMS) dengan melihat aspek kata akar kata kerja, penanda aktif, pasif dan antipasif. Dialek ini dituturkan di Daerah Sekadau terletak kira-kira 300 km dari Bandar Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia. Di daerah ini, DMS berfungsi sebagai lingua franca tempatan. Dialek ini merupakan bahasa ibunda untuk suku Melayu, bahasa interaksi oleh suku Cina dan Dayak. Setakat ini, hanya sedikit penelitian yang berkaitan dengan DMS atas faktor lokasinya yang terletak jauh di kawasan pedalaman. Kajian ini menemukan bahawa kata nama dapat beralih kepada kata kerja tanpa perubahan morfologikal; prefiks *N-* merupakan penanda aktif sementara prefiks *d-* adalah penanda pasifnya. Prefiks *be-* pula adalah penanda antipasif dalam DMS.

Kata Kunci: dialek Melayu Sekadau, kata kerja, aktif, pasif, antipasif

Abstract

This paper examines the aspects of verbs in the Malay Sekadau dialect by looking at the verb roots, as well as active, passive and anti-passive markers. The dialect is spoken in Sekadau, which is located about 300 km from Pontianak—the capital city of West Kalimantan, Indonesia. In this area, the Sekadau Malay dialect functions as the lingua franca for the community. Here, this dialect is the mother tongue of the Malays, and the language of interaction for the Chinese and Dayaks. So far, there have only been a few studies attempting to discuss verbs in Sekadau Malay. This study finds that a noun can be transformed into a verb without any morphological change; the N-prefix is an active marker; the prefix be- is a passive marker, while the prefix be- is an antipassive marker.

Keywords: Sekadau Malay dialect, verbs, active, passive, antipassive

PENGENALAN

Sekadau lokasinya terletak di pedalaman Kalimantan Barat (Indonesia), kira-kira 300 km dari bandar Pontianak; lihat Peta 1 (Lampiran). Dari segi demografi penduduk, kawasan ini merupakan sebuah daerah multietnik, iaitu terdiri daripada suku Melayu, Cina, suku Dayak, Jawa, Madura. Suku Dayak merupakan suku majoriti, lihat Collins (2002). Suku ini kebanyakannya tinggal di bahagian hulu lembah Sungai Sekadau, misalnya di Cupang Belingai, Seraya, Sg. Mayong, Landau Kumpai dan sebagainya; suku Melayu pula tinggal di muara Sungai Sekadau dan cabang-cabangnya seperti Nanga Taman, Nanga Mahap dan pinggir pekan Sekadau; dan, suku Cina tinggal di pusat pekan Sekadau—ibu kota Kabupaten Sekadau.

Di daerah Sekadau, dialek Melayu Sekadau (DMS) merupakan dialek yang berstatus *lingua franca*, lihat Chong (2012). DMS dikuasai oleh hampir semua penduduk dari pelbagai suku etnik dan berperanan sebagai bahasa pengantar utama. Hasil penelitian Chong (2005; 2012) mendapati bahawa DMS digunakan dalam interaksi interetnik (suku Melayu→suku Dayak/suku Cina, suku Cina/suku Dayak→suku Melayu; suku Cina→suku Dayak/suku Melayu, suku Dayak/ suku Melayuà suku Cina) dan intraetnik (suku Melayuà suku Melayu). Dari segi penguasaan

DMS oleh sukuyang disebutkan ini, informan Melayu dari Sungai Ringin dan Munggu' mendakwa mereka hanya mengetahui bahasa Indonesia dan berbahasa DMS sebagai bahasa Ibunda; Suku Dayak yang kebanyakannya tinggal di sekitar lembah Sekadau dilaporkan boleh menuturkan DMS. Begitu juga dengan suku Cina, DMS merupakan bahasa pergaulan mereka dengan pelanggan (terutamanya pelanggan yang dikenali).

Walaupun tempat "Sekadau" telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu dan pernah dicatatkan dalam Enthoven (1903), namun setakat ini tidak banyak kajian yang dilakukan di kawasan ini. Antaranya termasuklah kajian tentang DMS yang menjadi lingua franca lokal pelbagai suku etnik. Kekurangan ini timbul mungkin kerana kedudukan Sekadau yang terletak di kawasan pedalaman. Beberapa tahun lalu (mulai tahun 2002), sejumlah kosa kata dan rakaman cerita lisan DMS telah dikumpulkan. Makalah ini membincangkan aspek kata kerja DMS dengan berdasarkan data tersebut. Aspek kata kerja yang dibincangkan meliputi: kata akar dan jenis penanda kata kerja (aktif, pasif, antipasif).

BENTUK PENELITIAN

Penelitian ini berbentuk sinkronik, iaitu penelitian deskriptif yang mempelajari bahasa kontemporari tanpa dibandingkan dengan waktu lain; lihat Chaer (2003). Dalam hal ini, penelitian ini mengupas aspek sintaksis DMS, sejenis dialek Melayu yang dituturkan meluas di Sekadau. Perbincangan ini cuba mendeskripsikan dan menghuraikan struktur sintaksis DMS dan isu sintaksis DMS yang teoritikal tidak disentuh.

KAEDAH KAJIAN

Berhubung dengan kaedah, kajian ini melibatkan kerja lapangan di Sekadau. Semasa penelitian dilakukan, kaedah rakaman digunakan untuk merakamkan cerita dongeng yang disampaikan oleh informan Melayu Sekadau. Cara ini amat berkesan untuk memperoleh teks lisan secara menyeluruh. Cerita lisan yang dirakamkan kemudian ditranskripsikan dengan bantuan pembantu yang merupakan penutur asli DMS. Teks yang diterjemahkan ke dalam tulisan kemudian ditanyakan maksud dan ertinya, kemudian catatan dibuat. Hasil transkripsi ini akhirnya dijadikan data untuk perbincangan.

HASIL KAJIAN

Kata kerja dalam DMS dibahagikan kepada dua kelompok utama, iaitu 1) tak transitif, dan 2) transitif. Secara morfologi, kata kata kerja ditandakan dengan prefiks dan dengan kehadiran penanda kata kerja (*voice marker*). Tiada sufiks dikenal pasti wujud dalam DMS. Secara ringkas, struktur Kata kerja DMS adalah:

KATA KERJA = PENANDA KATA KERJA – KATA AKAR

KATA AKAR KATA KERJA TAK TRANSITIF DAN TRANSITIF

Pada umumnya kata kerja dalam DMS (dan juga pada kebanyakan bahasa) dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata kerja tak transitif dan transitif. Bahagian ini membincangkan secara sepintas lalu kata akar kedua-dua jenis kata kerja ini.

Kata Akar Kata Kerja Tak Transitif

Kata kata kerja tak transitif tidak disertakan dengan objek. Pada umumnya jenis kata kata kerja ini menunjukkan sifat sesuatu, keadaan atau situasi. Dalam DMS, sifat-sifat akar kata kata kerja tak transitif adalah seperti berikut:

- (a) Bersifat adjektif
 - (i) Peringkat umur: tua “tua”, muda? “muda”, manta? “mentah”, mansak “masak (buah)”.
 - (ii) Dimensi: kəcit “kecil”, libay “lebar”, bəsay “besar”, jauh “jauh”, ɔmak “dekat”.
 - (iii) Warna: itam “hitam”, putih “putih”, miyah “merah”, kunin “kuning”, ijaw “hijau”.
 - (iv) Ciri fizikal: ɣaŋkay “kering”, basa? “basah”, ɔmap “lembap”, aŋat “panas”, ɔlap “sejuk”.

(v) Sikap manusia: *yaji'n* “rajin”, *lontus* “malas”.

(b) Bersifat gerak alih (*locomotion*)

Kata yang bersifat gerak alih dalam DMS termasuk: *data?ŋ* “datang”, *pula?ŋ* “pulang”, *sampay* “sampai”, *timul* “timbul”, *təŋɔla'm* “tenggelam”, *tampay* “tampar”, *təyba?ŋ* “terbang”. Namun demikian, terdapat kata-kata yang bersifat kata kerja tetapi tidak melibatkan aktiviti gerak alih (berada dalam posisi yang statik) juga tergolong dalam kategori kata kerja, misalnya: *duduk* “duduk”, *tidu?* “tidur”, *diri* “berdiri”.

(c) Lain-lain keadaan: *idup* “hidup”, *matiy* “mati”, *beyak* “berak”, *kəsin* “kencing”, *mimpiy* “mimpi”, *putus* “putus”, *ciup* “bertiup”, *jatu?* “jatuh”.

Kata Akar Kata Kerja Transitif

Kata akar kata kerja transitif mengandungi sekurang-kurangnya satu agen (agent) dan penderita (patient). Agen adalah pelaku yang bertanggungjawab memulakan sesuatu tindakan manakala penderita adalah penerima daripada tindakan yang dilakukan. Contohnya dalam ayat *John kicked Paul*, *John* merupakan agen manakala *Paul* adalah penderita.

Dari segi morfosintaksis, akar kata transitif mengandungi prefiks aktif *N-* dalam klausa kata kerja aktif. Namun demikian, banyak kata nama boleh ditukar kepada bentuk kata kerja tanpa melalui proses morfologi. Dalam erti kata lain, sesetengah kata dalam DMS mengandungi unsur perbuatan di dalam sesuatu akar kata nama. Perlu dijelaskan bahawa fenomena ini berlaku mungkin kerana terdapat gejala pengguguran imbuhan oleh seseorang penutur semasa dia berbicara, terutamanya dalam perbualan yang spontan. Contohnya:

Kata Nama		Kata kerja
<i>pikiy</i> “fikir”	→	“berfikir”
<i>pantok</i> “paruh ayam/burung”	→	“mematuk”
<i>kail</i> “alat memancing ikan”	→	“mengail”

ili? “hilir sungai”	→	“ke hilir sungai”
ulu “hulu sungai”	→	“ke ulu sungai”
guntuy “guntur”	→	“berguntur”
jalan “jalan”	→	“berjalan”
kosin “kencing”	→	“membuang air kecil”
mimpi “mimpi”	→	“bermimpi”

PENANDA AKTIF, PASIF DAN ANTIPASIF DALAM DMS

Dalam DMS, dikenal pasti prefiks *N-* merupakan penanda aktif, *di-* selaku penanda pasif dan *bə-* berupa penanda antipasif. Huraian selanjutnya menjelaskan setiap penanda ini.

Prefiks Nasal N-: Penanda Aktif

Prefiks nasal *N-* (variasinya: *n-*, *ŋ-*, *j-*) merupakan penanda aktif kata kerja yang paling umum. Prefiks ini sangat lumrah ditemui dalam dialek ini. Dengan ditandakan dengan *N-*, peranan subjek dalam klausa yang sebagai agen sesuatu perkara telah digambarkan. Berikut merupakan beberapa contoh klausa aktif transitif:

- (1) apabila **niŋa** uʔaʔŋ ŋiaw asuʔ
apabila AKT-dengar orang AKT-panggil anjing

(Apabila mendengar orang memanggil anjing)

- (2) ŋayuh pʔyaw
AKT-kayuh perahu

(Mengayuh perahu)

- (3) ...kay ŋəlikat kəpala a

untuk AKT-lekat kepalanya

(...untuk melekat kepada kepalanya)

- (4) ya ꦑꦕꦪꦶꦥꦤꦏꦺꦴ
KGN2.T AKT-cari anak

(Dia mencari anak)

- (5) milih buah
AKT-pilih buah

(memilih buah (yang diinginkan))

Berdasarkan contoh (1)-(5), jelas bahawa kata kerja transitif aktif ditandakan dengan prefiks *N-* dan disertakan dengan objek. Dalam penjelasan lain, secara sintaksis klausa dan kata kerja yang mengandungi objek langsung ialah jenis yang transitif. Namun demikian, terdapat juga kes yang kata kerja transitif (ditandakan dengan prefiks *N-*) wujud dalam bentuk objek tidak ditampilkan secara nyata. Fenomena ini umumnya berlaku dalam pertuturan yang bersahaja. Secara sintaksis, kes seumpama ini mungkin selalu disalahtafsirkan sebagai kata kerja tak transitif. Tjia (2007) menggelar bentuk kata kerja transitif ini sebagai bentuk yang tertinggal objek (*object omission*) dan perbezaan nyata antara bentuk kata kerja transitif ini dengan tak transitif adalah kata kerja ini masih ditandakan dengan penanda transitif *N-* (dan bukan dengan penanda tak transitif). Dalam hal ini, pembicara dan pendengar perlu berkongsi suatu konteks yang sama untuk mengetahui “objek yang tertinggal” yang dimaksudkan. Selain dalam pertuturan, berdasarkan pengalaman penelitian, gejala “objek tertinggal” dalam ayat diperhatikan sering wujud dalam cerita rakyat yang disampaikan secara lisan. Tanpa mengikuti jalan cerita dari permulaan, amat sukar untuk mentafsirkan objek yang telah tertinggal. Misalnya dalam ayat (6) hingga (8), aksara yang “ditebalkan” merupakan objek yang tertinggal. Objek ini diperoleh kembali oleh penulis dengan merujuk kepada konteks cerita tersebut. Sesungguhnya, walaupun tanpa objek, melalui penanda transitif *N-*, kita masih ketahui bahawa ayat tersebut merupakan ayat transitif.

- (6) jadi bini a ɲanoʔɲ **(objek yang tertinggal = bayi)**
 jadi isterinya AKT-hamil
 (...jadi, isterinya pun hamil)
- (7) dataʔɲ minarɲ **(objek yang tertinggal = perempuan)**
 datang AKT-pinang
 (datang meminang)
- (8) pokoʔ panay panay milihlah **(objek yang tertinggal = pisang)**
 pokok pandai pandai AKT-pilih+PART
 (Pokoknya [kamu] pandai-pandailah memilih [jenis] pisang yang diinginkan)

Dalam contoh (6) hingga (8), jelas bahawa kesemua objek tidak ditampilkan secara nyata. Namun, berdasarkan pemahaman terhadap konteks pertuturan atau cerita, kita dapat mengesani jenis objek yang mengikuti kata kerja transitif berkenaan.

Prefiks di- : Penanda Pasif

Prefiks *di-* merupakan penanda pasif yang utama dalam DMS. Apabila berlaku pempasifan dengan prefiks *di-*, penderita dalam sesuatu peristiwa akan menjadi subjek dalam sesuatu klausa. Seperti bahasa Melayu baku, penanda pasif *di-* hanya khas digunakan pada kata ganti nama diri ketiga sahaja. Contohnya:

- (9) a.
 aiʔ yaʔ dipinum apay
 air itu PS-minum bapa
 S-Penderita KERJA O
 (Air itu diminum oleh bapa)
- (10) b.
 bukaʔn sɔmua:m uyaʔɲ yaɲ dipanjel yaʔ

bukan semua+EMPH orang yang PS+panggil itu
(Bukan, semua orang yang dipanggil itu...)

Prefiks bə-: Penanda Kata Kerja Antipasif.

Secara ringkas, kata kerja antipasif adalah kata kerja aktif yang tidak dapat diubah menjadi kata kerja pasif. Contohnya dalam bahasa Melayu baku, Ali bertemu dengan mereka merupakan contoh kata kerja yang bersifat antipasif kerana ayat ini menjadi tidak gramatikal sekiranya mengalami pempasifan. Prefiks antipasif *bə-* didapati lumrah wujud dengan kata kerja transitif dan kata nama.

i. Prefiks *bə-* dengan kata kerja transitif

Klausa yang dengan prefiks *bə-* menyatakan agen subjek terlibat dalam sesuatu aktiviti atau sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, adalah lumrah terjumpa dengan kata kerja transitif yang wujud bersama prefiks *bə-*. Perbezaan utama antara aktif dan antipasif ialah dalam aktif, agen bertindak secara langsung ke atas penderita dan penderita tersebut menerima kesan dari tindakan tersebut. Dalam antipasif pula, agen tidak mengarahkan sesuatu tindakan ke atas penderita tapi hanya melakukan aktiviti ke atasnya. Secara semantik, penderita dalam antipasif juga dikenali bersifat tidak menentu (nyata) dan agak generik.

a. Aktif

- (11) uma? a ŋayuh (objek = perahu)
emak nya IMB+kayuh

(Emaknya mengayuh (perahu))

b. Antipasif

- (12) ya tamah anakŋ a ja:m bəkayuh
KGN3.T dengan anaknya saja+EMPH ANPAS-kayuh

(Dia dan anaknya saja yang berkayuh)

Contoh dalam (11) merupakan kata kerja aktif transitif. Aktiviti yang dilakukan oleh agen (emaknya) adalah berkaitan langsung dengan penderita, iaitu perahu. Dalam erti lain, peranan agen, kata kerja dan penderita jelas tampak dan hubungan mereka amat nyata. Manakala dalam contoh (12), perbuatan tidak ditunjukkan secara nyata kepada penderita. Dalam erti lain, penderita didapati tidak bersifat referensial kerana tidak mempunyai rujukan yang spesifik. Contoh tambahan dari rakaman yang sama (seperti berikut) menunjukkan penderita tidak berperanan dalam antipasif ini. Aktiviti yang dilakukan oleh agen, iaitu bəkayuh sebaliknya berkenaan dengan keadaan sesuatu aktiviti yang dilakukan, iaitu aktiviti mengayuh perahu.

(13) apa? a ɲəlua?n uma? a tamah anakN a ɲəmudi
bapanya AKT-luan emaknya dengan anaknya AKT-kemudi

bəkayuh tacah tacah ya tih koh keboy
ANPAS-kayuh terus+RED KGN3.T itu PART bunyi pengayuh
kena air

ga? keboy
juga bunyi pengayuh kena air

[Bapanya mengayuh di bahagian luan, emaknya mengayuh di belakang perahu. Mereka berkayuh terus-menerus (kedengaran bunyi yang terhasil oleh pengayuh apabila terkena dengan air)].

Sesetengah kata kerja transitif berupa kata kerja resiprokal iaitu perbuatan yang dilakukan oleh dua pihak dan kedua-dua pihak terlibat dalam perbuatan tersebut. Konstruksi untuk fungsi yang resiprokal adalah dengan antipasif *bə-*. Perlu dijelaskan bahawa aktif transitif *N-* tidak berupaya membawa fungsi resiprokal.

(14) **bəpəkat** tamah bini
ANPAS-pakat dengan isteri

(Berpakat dengan isterinya)

(15) nait sampay pəməla?m **bəgesah**

naik sampai IMB+malam ANPAS-cerita

(Naik ke rumah dan bercerita sampai ke jauh malam)

Pada aspek kata, *bə-* juga mengandung makna refleksif. Dalam contoh-contoh berikut menunjukkan perbuatan subjek adalah berkenaan dengan diri sendiri. Maksudnya, kata akar seperti berikut yang berimbuhan *bə-* tidak melibatkan pihak kedua tetapi dilakukan secara sendiri melalui koordinasi antara minda dengan pergerakan diri pelaku.

<i>bəy-ɔmoŋ</i>	ANPAS-omong	“bercakap”
<i>bə-pikey</i>	ANPAS-fikir	“berfikir”
<i>bə-gəgay</i> (badan)	ANPAS-gigil	“(badan) seseorang bergigil”
<i>bə-jalan</i>	ANPAS-jalan	“berjalan”
<i>bə-balit</i>	ANPAS-balik	“berpatah balik”

ii. *bə-* dengan Kata Nama atau Frasa Nama

Prefiks *bə-* juga produktif wujud dengan kata nama atau frasa nama. Dalam hal ini, *bə-* mengandungi fungsi deriviasi, iaitu kata dasar yang berbentuk kata nama kalau diimbuhkan dengan *bə-*, akan menghasilkan bentuk yang kata kerja. Contohnya:

- (16) gala pinarŋ dah nəmula *bə*-buah
 semua pinang sudah IMB+mula ANPAS-buah

(Semua pokok pinang telah berbuah)

- (17) sampay *bəy*-anakŋ
 sehingga ANPAS-anak

(Sehingga beranak)

Kata kerja yang diterbitkan daripada kata nama menunjukkan sesuatu aktiviti yang sudah menjadi kebiasaan yang dilakukan oleh aktor-subjek. Dalam contoh (16), *bə-* wujud pada buah “buah” bermaksud menghasilkan buah, iaitu satu proses semulajadi dalam perkembangan sesuatu tumbuhan. Contoh (17) pula menunjukkan sifat alami biologikal manusia, iaitu melahirkan anak. Secara ringkas, makna yang dideriviasi oleh *bə-* + NAMA boleh terdiri daripada:

(a) Menghasilkan

<i>bə</i> -buah	“menghasilkan buah”
<i>bəy</i> -anakŋ	“melahirkan anak”

(b) Pemilikan

<i>bə</i> -tuŋkat	“dengan tongkat”
<i>bə</i> -dɔŋah	“mempunyai tuah (bernasib)”

(c) Melakukan aktiviti berulang kali (iterativity) atau secara intensif

<i>bə</i> -kayuh	“menggerakkan perahu dengan kayuh”
<i>bə</i> -jɔnaʔŋ	“bersanding”

bə-uma “melakukan kerja di ladang padi”

bə-pesta “mengadakan acara untuk menyambut sesuatu”

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, aspek kata kerja DMS yang telah dibincangkan adalah dari segi: kata akarnya, jenis penanda kata kerja (aktif, pasif, antipasif). Hasil analisis mendapati bahawa beberapa ciri kata kerja dalam DMS, misalnya kata nama boleh ditukar kepada bentuk kata kerja tanpa melalui proses morfologi kerana sudah mengandungi unsur perbuatan dalam sesuatu akar kata nama; prefiks *N-* merupakan penanda kata kerja aktif dan mengandungi lima variasi, iaitu *n-*, *ŋ-*, *ŋə-*, *j-*, *m-*. Dalam kata kerja aktif transitif, turut dikenal pasti gejala “objek yang tertinggal”. Ciri ini khususnya berlaku pada ayat dalam pertuturan dan cerita lisan. Untuk mengetahui objek tersebut, konteks berbicara atau cerita amatlah diperlukan. Dalam ayat pasif DMS, *di-* diperhatikan merupakan penanda

pasif dan *di-* hanya untuk diri ketiga. Dari segi antipasif DMS, *be-* merupakan penandanya.

Penghasilan makalah ini merupakan sumbangan kecil kepada bidang penelitian dialek Melayu, khususnya dialek Melayu yang tersebar di pedalaman Borneo, yang kurang diteliti.


RUJUKAN

- Chaer, Abdul, 2003. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Chong Shin, 2005. "*Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Multilingual: Minoriti Cina di Pekan Sekadau, Pulau Borneo.*" Disertasi Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chong Shin, 2012. *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Multilingual: Minoriti Tionghoa di Kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Penerbit ATMAJAYA.
- Collins, J. T. 2002. Bahasa dan Identiti di Pulau Borneo: Tinjauan Awal di Kalimantan Barat. *Majalah Dewan*. 2(4): 29-35.
- Enthoven, J.J.K., 1903. *Bijdragen tot de geographie van Borneo's wester-afdeeling*. Leiden: E.J. Brill.
- Tjia, Johnny, 2007. "*A Grammar of Mualang: An Ibanic Language of Western Kalimantan, Indonesia.*" Disertasi Ph.D. Leiden University.

LAMPIRAN

SENARAI SINGKATAN

KGK	Kata ganti nama
T.	Tunggal
AKT	Aktif
PART	Partikel
S	Subjek
O	Objek
IMB	Imbuhan
EMPH	Penegasan
ANPAS	Antipasif
RED	Reduplikasi



Peta 1 Peta Lokasi Sekadau.